

Sambutan RIMUP Raya 2025 – Ukhwah Syawal Meriah Di SMK Taman Perumahan Bedaun



Labuan, 26 April 2025 (Sabtu) – Semangat perpaduan dan kemeriahan Aidilfitri diraikan dengan penuh warna-warni menerusi Program RIMUP Raya 2025 bertemakan *Ukhwah Syawal*, yang berlangsung dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi di tapak perhimpunan SMK Taman Perumahan Bedaun.

Program ini merupakan hasil kerjasama erat antara pihak sekolah dengan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Mutiara dan Balai Polis Labuan melalui slot ceramah bertajuk *Antibuli – Sekolah Sejahtera, Bebas Buli*. Usaha ini adalah selaras dengan aspirasi mewujudkan persekitaran sekolah yang lebih selamat dan harmoni.

Majlis turut menerima kehadiran tetamu kehormat termasuk pegawai angkat sekolah Encik Nazri bin Mustapa yang juga merupakan wakil rasmi dari Jabatan Pendidikan Labuan. Turut memeriahkan suasana ialah Encik Heidar Hussein Md

Rashid Yang Dipertua (YDP) PIBG bersama barisan AJK PIBG serta AJK KRT Taman Mutiara yang sentiasa menyokong penganjuran aktiviti berbentuk komuniti seperti ini.

Majlis juga diserikan dengan kehadiran dua tokoh istimewa iaitu Puan Jesicca Basat, Pengarah Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional, serta Dr. Federick Reyes Joseph, Pegawai Penasihat Eksekutif JMB Taman Mutiara. Kehadiran mereka memberikan suntikan semangat kepada warga sekolah dalam memperkukuh nilai perpaduan dan integrasi nasional.



Puan Norazita bersama Puan Jesicca dan Encik Nazri



Bersama para jemputan yang hadir

Pelbagai aktiviti menarik yang dijalankan termasuk pertandingan video raya antara kelas (kategori menengah rendah dan menengah atas), pertandingan reruai kelas, busana terbaik bagi kategori lelaki dan perempuan, serta pertandingan karaoke raya yang menyaksikan sembilan penyertaan daripada kalangan murid.

Bagi memeriahkan lagi suasana, para pelajar turut dihidangkan dengan pelbagai juadah enak seperti soto, lima jenis air balang, pizza dan aiskrim sumbangan daripada koperasi sekolah sebagai menu utama selain makanan yang terdapat di meja kelas masing-masing.

Konklusinya Program RIMUP Raya 2025 ini bukan sahaja menjadi platform meraikan Syawal tetapi juga mengukuhkan jalinan silaturahmi dalam kalangan warga sekolah, komuniti dan agensi luar selaras dengan semangat Malaysia Madani.

Berita Oleh : SMK Taman Perumahan Bedaun



Pemenang Video Raya (Menengah Rendah)



Pemenang Video Raya (Menengah Atas)



Pengetua bergambar bersama warga sekolah dan para jemputan di Dataran Bedaun SMK Taman Perumahan Bedaun